

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) guru bukan pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) guru bukan pengkhususan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. Kajian ini adalah kajian kualitatif single case yang melibatkan dua orang guru bukan pengkhususan mata pelajaran RBT dipilih sebagai peserta kajian. Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan juga analisis dokumen. Proses analisis data melibatkan tiga peringkat koding dalam Grounded Theory iaitu open coding, axial coding dan selective coding. Hasil kajian mendapati kedua peserta belum memahami dan menguasai sepenuhnya hala tuju, matlamat dan fokus KSSM RBT. Selain itu, mereka juga masih menghadapi masalah dalam menguasai isi kandungan mata pelajaran tersebut dengan baik. Dari aspek pengetahuan pedagogi, walaupun peserta kajian sedar tentang pendekatan-pendekatan PdPc yang dicadangkan dalam DSKP KSSM mata pelajaran RBT, namun mereka kurang menggunakan pendekatan tersebut dan masih cenderung menggunakan pendekatan pengajaran tradisional yang lebih berpusatkan kepada guru dan menggunakan kaedah syarahan semasa proses PdPc.